



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Sindiket rekrut pelajar IPT salah guna akaun bank
Publication/Portal: Kosmo
Date: 25 November 2018

Language: Malay
Section: Semasa
Page: 1

SINDIKET REKRUT PELAJAR IPT SALAH GUNA AKAUN BANK

Ejen Macau Scam umpan RM2,500 bagi guna akaun milik pelajar untuk tipu orang ramai



SINDIKET penipuan komersial kini giat mengupah pelajar universiti menyalahgunakan akaun bank. - Gambar hiasan

KIRI: Harjinder (kiri) mengedarkan risalah mengenai bahaya sindiket jenayah di Shah Alam semalam.

SINDIKET jenayah komersial seperti Macau Scam kini menjadikan golongan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang terdesak untuk mendapatkan wang saku sebagai keldai akaun bagi pemindahan wang haram.

Menurut Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor, Asisten Komisioner Harjinder Kaur Gurdial Singh, ejen-ejen sindiket itu akan mengupah pelajar berkenaan dengan bayaran RM2,500 bagi setiap akaun yang dibuka.

"Siasatan mendapati setiap keldai sindiket itu akan membuka sehingga enam akaun daripada bank berlainan," katanya

kepada pemberita selepas program kepolisian masyarakat JSJK Selangor di Shah Alam semalam.

Tambah beliau, komisen yang tinggi itu menjadi pendorong kepada pelajar untuk menjadi keldai sindiket berbanding hanya RM50 yang ditawarkan sindiket sebelum ini.

Akaun bank yang dibuka mangsa akan digunakan anggota sindiket terbabit sebagai transaksi penyimpanan wang yang diperoleh daripada hasil penipuan.

» LAPORAN DI MUKA 2